

## MEMACU KEGEMILANGAN SENI TEATER NEGARA

New Sabah Times, ms.7-8, 12 Oktober 2009  
JAKARIA DASAN, jakaria@ums.edu.my

Di negara-negara maju dan beberapa buah negara membangun, seni teater merupakan salah satu daripada pakej menarik yang mampu menjana pendapatan kepada ekonomi negara-negara berkenaan. Malah para pelancong yang melawat ke negara-negara itu pasti akan menjadikan aktiviti menonton pementasan teater sebagai salah satu daripada pengisian program lawatan mereka. Selain peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan dan swasta dalam mempromosi kemasyhuran pementasan teater mereka, pembangunan seni teater di negara-negara berkenaan juga disokong oleh produksi teater universiti-universiti dalam negara tersebut. Terdapat beberapa contoh seperti, University of Hawaii yang terkenal dengan teater seni tarinya, University of Berkeley dengan teater seni muziknya dan Institut Kesenian Jakarta dengan kehebatan teater seni dramanya.

Di negara kita, perkembangan pementasan teater masih dalam peringkat pembangunan dan sedang menuju ke arah kemajuan seni seperti yang dialami oleh kebanyakan negara barat seperti benua Amerika dan benua Eropah serta benua Asia Timur seperti Jepun, Korea, India dan Thailand. Di Negara-negara yang disebutkan ini, seni dan hiburan telah menjadi sebuah industri yang membantu pembangunan ekonomi Negara masing-masing. Di United Kingdom dan di Amerika Selatan, seni telah menjadi salah satu daripada mekanisme atau alat bantu dalam merawat masalah sosial masyarakat. Pelbagai pendekatan telah wujud seperti pendekatan psikodrama, sosiodrama, teater forum dan lain-lain umpamanya yang menjadi suatu pendekatan kaunseling kelompok yang turut memperkayakan bidang terapi kaunseling sedia ada.

Prospek pementasan seni teater sebagai suatu produk yang menguntungkan negara begitu cerah dan telah terbukti. Ini adalah sepertimana yang berlaku di negara-negara maju dan membangun. Sehubungan itu, sudah sampai masanya semua pihak melihat kepada keperluan untuk membangun 'produk' ini secara terancang dan efektif. Dengan kata lain, usaha perlu dilakukan bagi menghasilkan produksi teater yang bukan hanya menghibur sebaliknya mendidik penonton atau masyarakat. Pada masa yang sama komitmen dan kerjasama semua pihak yang mempunyai kaitan langsung dengan penghasilan produksi teater adalah begitu signifikan dan dialu-alukan. Dalam hubungan ini, pihak universiti umpamanya bersama-sama dengan pihak Kementerian, Jabatan dan pihak berkuasa serta pertubuhan bukan kerajaan yang berkaitan perlu bergerak secara bersama dan proaktif.

Dalam buku yang bertajuk "Prosedur Pengurusan Produksi Teater," pengarangnya, Dr. Andika Aziz Hussin, pensyarah dan Ketua Program Seni Kreatif Sekolah Pengajian Seni (UMS), mengupas lanjut mengenai senario ini. Buku beliau secara khusus turut membincangkan teknik-teknik pementasan teater yang sungguh komprehensif dan berinformasi. Buku ini sangat sesuai untuk menjadi bahan rujukan kerana ianya mengandungi kaedah dan tatacara menghasilkan sebuah produksi teater yang baik dan berkualiti. Di samping itu, belum ada lagi buku pengurusan seni teater dalam bahasa Malaysia yang sesuai untuk dijadikan bahan rujukan. Justeru, buku ini

dihasilkan untuk mengisi kekosongan atau ketandusan buku pengurusan teater di Malaysia.

Sasaran penghasilan buku ini ialah dalam kalangan pelajar-pelajar jurusan seni Sekolah Pengajian Seni, para pelajar sekolah menengah dan kolej, para penggiat seni khususnya penggiat teater di Sabah dan Malaysia dan para peminat teater serta pihak berwajib yang berkaitan. Penggunaan bahasa begitu mudah difahami isinya. Tambah pula dengan gambar-gambar berkaitan yang menarik sekaligus memudahkan pemahaman pembaca dari pelbagai peringkat umur. Walaupun seni teater sedang berkembang, namun masih terdapat beberapa kelemahan pengurusan teater di Malaysia amnya dan Sabah khususnya. Justeru, Dr. Andika terdorong untuk menulis sebuah buku yang berupaya memberi ilmu pengetahuan dan pemahaman mendalam tentang proses pengurusan sesebuah produksi seni khususnya teater. Matlamatnya ialah untuk menghasilkan sebuah pengurusan produksi yang terancang dan tersusun.

Buku ini terbahagi kepada lima bab semuanya. Bab Pertama adalah berkaitan dengan seni pementasan teater dan kritikan teater. Pengarang memaparkan esei mengenai teater, perkembangannya, kritikan yang dihadapi dan proses penganjuran sesebuah festival teater. Bab Dua menerangkan mengenai pengurusan pentadbiran dan artistik pentas. Bab Tiga pula menyentuh mengenai aspek pengurusan latihan dan persembahan. Dalam Bab Dua dan Bab Tiga, pengarang menjelaskan definisi, huraian dan tanggungjawab setiap bahagian pengurusan dalam sesebuah produksi. Dalam Bab Empat, pengarang mengupas aspek berkaitan ujubakat dan proses pengendalian yang berkesan. Jenis-jenis ujubakat dan tatacara pelaksanaan setiap jenis ujubakat diolah dengan baik dan mudah untuk diikuti oleh pembaca. Dr. Andika menjelaskan bahawa dengan mengikuti perkembangan setiap bab, para pembaca khususnya mereka yang benar-benar ingin berkecimpung dalam dunia teater akan lebih bersedia untuk memulakan karier dengan lebih berjaya.

Menyentuh mengenai perkembangan teater di Sabah, Dr. Andika berpandangan bahawa pada ketika ini Sabah sedang menghadapi saat kemunduran dan kejumudan berbanding dengan era kegemilangan teater pada sekitar tahun 70an dan 80an. Faktor utama ialah ketiadaan ilmu pementasan dan pengurusan produksi yang sistematik dan jelas di kalangan penggiat-penggiatnya. Penggiat era tahun 70an dan 80an yang kebanyakannya datang dari lepasan Universiti Sains Malaysia (USM) telah bersara dan tidak aktif lagi. Golongan ini mempelajari seni teater secara akademik dan terancang dari pembelajaran mereka sewaktu menuntut di USM. Namun, pelapis baharu tidak begitu. Keadaan ini seharusnya tidak berlaku apatah lagi kekayaan dan kepelbagaian etnik dan suku kaum di Sabah khususnya membolehkan seni pementasan teater di Sabah mempunyai lebih banyak 'warna' dan keunikannya yang tersendiri. Secara tidak langsung hal ini akan menjadikan pasaran teater di Sabah mempunyai kebolehpasarannya yang tinggi dan tidak perlu bersaing dengan konsep seni teater di negeri atau negara lain. Apa yang penting ialah agar setiap aspek seni pementasan teater ini digarap dengan kemas dan baik.

Dalam memenuhi tuntutan ini maka Negeri Sabah mempunyai kelebihan yang tersendiri dengan Kewujudan UMS amnya dan Sekolah Pengajian Seni khususnya. Walaupun kewujudan pengajian teater di Sekolah Pengajian Seni, UMS masih di peringkat bayi, namun jika program ini diberikan perhatian khusus maka tidak mustahil, Sabah mampu menjadi antara pusat tumpuan seni pementasan teater yang terhebat di rantau ini. Pada ketika ini, program teater di Sekolah Pengajian Seni dilihat masih agak baharu dan perlu mengambil sedikit masa untuk diiktiraf

sepertimana di USM. Namun, dalam tempoh jangkasama lima hingga 10 tahun mendatang kita akan dapat lihat angin perubahan tersebut. USM mengambil masa hampir 25 tahun sejak penubuhannya untuk melihat pengajian teaternya menghasilkan kumpulan aktivis seni berkaliber, sedangkan SPS/UMS masih berusia 13 tahun. Sesungguhnya, UMS mempunyai potensi besar untuk menjadikan seni teater sebagai salah satu pakej produk yang akan merangsang pembangunan ekonomi negeri ini khasnya dan negara amnya.

Dr. Andika selanjutnya menyatakan bahawa sepanjang tempoh hampir 14 tahun beliau bertugas di Sekolah Pengajian Seni UMS, perkembangan seni teater adalah agak perlahan jika dibandingkan dengan perkembangan seni muzik. Pada pendapatnya Sekolah Pengajian Seni perlu berani mengambil inisiatif mewujudkan Pengajian Teater sebagai satu program yang berdiri sendiri dimana selama ini pengajian teater hanyalah sebagai satu bahagian kecil dalam Program Seni Kreatif yang ditawarkan di SPS. Teater boleh menyumbang sepertimana muzik melakukannya, malah ia mampu memberikan impak yang lebih mengagumkan. Isi kandungan pengajian teater juga perlu lebih bersifat membina jati diri dan membantu dalam proses pembangunan sosial dan ekonomi Negara. Seperti yang dibuat oleh USM yang mewujudkan Pengajian Teater secara terancang, dimana ia mampu menarik minat ramai penggiat dan peminat teater untuk mengikutinya. Jika USM menjadi tonggak pusat pengajian teater di Semenanjung, UMS pula melalui Sekolah Pengajian Seni, mampu berbuat demikian kerana kita adalah satu-satunya institusi pengajian tinggi awam yang menawarkan pengajian teater di Borneo. Kekayaan hasil budaya pelbagai etnik di Sabah mesti dieksploitasi oleh Sekolah Pengajian Seni sebelum IPT lain mendahuluinya. Amatlah merugikan jika IPT lain di luar Sabah, khususnya di Semenanjung, mengagahi usaha menjadi pusat kajian budaya masyarakat di Borneo.

Dalam hubungan ini maka SPS/UMS boleh melakukan beberapa pendekatan bagi menyemarakkan lagi seni pementasan teater yang terancang dan tersusun. Kaedah yang terbukti berkesan ialah dengan memperbanyakkan sidang ilmu dan bengkel tertentu kepada semua lapisan penggiat seni ini yang melibatkan generasi muda (sekolah dan IPT) dan generasi lama. Selain itu, UMS melalui Sekolah Pengajian Seni selaku satu-satunya IPT yang menawarkan pengajian teater, perlu mengorak langkah berani dengan mewujudkan program teater yang menyeluruh dan bukannya sebagai sebahagian daripada kursus sahaja. Pembangunan seni dan budaya seharusnya tidak dilihat sebagai satu ilmu sampingan semata-mata kerana martabat dan kecemerlangan sesebuah IPT itu sebenarnya diukur bukan sahaja melalui penghasilan kajian-kajian, kecemerlangan akademik malahan juga kecemerlangan seni dan budayanya.

Saya berkesempatan berbual dengan saudara Rusdi Ramli (pelakon filem dan penggiat teater) semasa dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu pada awal tahun ini. Beliau mengutarakan kepada saya bagaimanakah pelajar-pelajar seni diperkasakan pemahaman dan kecintaan mereka kepada seni? Adakah para pelajar ini akhirnya terlibat dalam karier seni setelah bergraduat kelak? Saya menjawab bahawa sudah tentu para pelajar seni di SPS/UMS mendapat bimbingan dan tunjukajar yang terbaik dari para pensyarah SPS. Ini adalah berdasarkan kepada fakta bahawa para pelajar SPS khususnya dan UMS umumnya kerap mengharumkan nama UMS/Sabah dengan kejayaan dalam pelbagai pertandingan seni di peringkat kebangsaan. Selain itu prasarana SPS adalah begitu lengkap dan konsep pengajaran menggunakan sistem mentor-mente yang terbukti berkesan. Saya juga berkata kepada beliau bahawa graduan seni mempunyai kebolehpasaran yang tinggi.

Dalam hubungan ini, Dr. Andika menjelaskan bahawa majoriti lulusan graduan SPS telah pun mendapat pekerjaan sama ada di sektor swasta mahupun kerajaan seperti di ASTRO, TV3, Kementerian Penerangan, kebudayaan dan Kesenian, Syarikat penerbitan akhbar, guru dan pensyarah. Ada juga yang telah menubuhkan syarikat penerbitan animasi sendiri, konsultansi pengurusan seni dan lain-lain lagi. Peluang pekerjaan untuk lulusan seni masih terbuka luas dengan berkembangnya sektor media dan hiburan tanahair menjadi sebuah industri. Selagi wujudnya manusia maka selagi itu media dan hiburan akan ada. Media dan hiburan memerlukan sentuhan seni yang betul.

Harapan pengarang ialah agar buku ini dapat dibaca, dihayati dan diamalkan agar para penggiat seni khususnya, seni teater dapat mengurus sebuah produksi seni teater yang indah, menarik dan menghibur citra ceritanya. Belum ada sebarang buku berkaitan pengurusan seni, khasnya seni teater, yang ditulis dalam bahasa Malaysia. Justeru buku ini seharusnya menjadi pencetus kepada penghasilan lebih banyak buku-buku yang berkaitan. Alasan tiada sumber kewangan yang mencukupi untuk membuat sebuah produksi tidak akan timbul sekiranya penggiat tahu menguruskan produksinya dengan kemas dan sistematik. Penerbit UMS menyajikan buku “Prosedur Pengurusan Produksi Teater” karangan Dr. Andika Aziz Hussin untuk menyemarakkan lagi perkembangan seni pementasan teater negara.